



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

   bheuuipm

 www.bheuu.gov.my

E-BULLETIN

EDISI SEPTEMBER DAN OKTOBER BHEUU

1 TAHUN

KEPIMPINAN YB MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG),
**DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI
BIN TUANKU JAAFAR**

MAJLIS SEMPENA 1 TAHUN KEPIMPINAN YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)

Majlis ringkas meraikan sempena 1 Tahun Kepimpinan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar telah diadakan pada 1 September 2022 bertempat di Pejabat YB Menteri, BHEUU, Putrajaya. YB Menteri menzahirkan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan tertinggi Jabatan serta warga BHEUU yang telah memberikan kerjasama dan sokongan sepanjang beliau memegang portfolio sebagai Menteri Undang-undang.

Turut hadir adalah Ketua Pengarah BHEUU, Datuk Abd. Shukor Mahmood, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan), Tuan Haji Abdul Aziz Johdi, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), Puan Azlin Azizan, Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi), Dato' Anita binti Harun, Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Datuk Wan Jeffry bin Kassim serta pegawai-pegawai kanan BHEUU.



SESI PENYERAHAN SIJIL PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA MAJLIS BERSAMA JABATAN

Pada 1 September 2022 (Khamis) YBhg. Ketua Pengarah BHEUU, Datuk Abd. Shukor Mahmood telah menyerahkan Sijil Pelantikan Ahli Jawatankuasa Majlis Bersama Jabatan (MBJ) bertempat di Pejabat Ketua Pengarah BHEUU.

MBJ adalah bertujuan untuk memperoleh seluas-luasnya kerjasama padu dan menyeluruh di kalangan pegawai dan kakitangan di dalam BHEUU, JBG dan Mdl dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kelancaran kerja dan kebajikan pekerja-pekerja, mewujudkan suatu mekanisme jentera pentadbiran yang baik bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja serta percambahan fikiran di antara Pihak Pekerja dengan Pihak Pegawai di BHEUU, JBG dan Mdl.





PROGRAM CERAMAH SEMPENA BULAN KEBANGSAAN 2022

Ceramah bertajuk “Arah Tuju Perundangan Selepas 65 Tahun Kemerdekaan” ini telah disampaikan oleh Pakar Perlembagaan/Pensyarah Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Datuk Dr. Shamrahayu Ab Aziz secara dalam talian (Zoom). Program ini telah diselaraskan oleh Seksyen Sumber Manusia BHEUU dengan kerjasama Seksyen Pengurusan Maklumat BHEUU.

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL MENGENAI CADANGAN BALAS HUKUMAN GANTIAN TERHADAP HUKUMAN MATI MANDATORI



YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Mengenai Cadangan Balas Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 10, BHEUU.

Turut hadir wakil-wakil daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pertahanan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Alam Sekitar dan Air, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Penjara Malaysia dan Polis Diraja Malaysia bagi memuktamadkan keputusan dasar berhubung cadangan hukuman gantung terhadap hukuman mati.



SESI PERBINCANGAN BERKAITAN CADANGAN PINDAAN AKTA AUDIT 1957 [AKTA 62] BERSAMA JABATAN AUDIT NEGARA

Sesi perbincangan ini telah diadakan pada 12 September 2022 dan dihadiri oleh Ketua Audit Negara, YBhg. Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid, Puan Nadhirah Abdul Wahab, Penasihat Undang-undang, Puan Nurhafiza Marsidi dan beberapa kakitangan Jabatan Audit Negara.

Pihak Jabatan Audit Negara telah mengemukakan tiga (3) syor bagi mengukuhkan kebebasan Jabatan Audit Negara dalam menjalankan tugas, selari dengan piawaian antarabangsa.

MESYUARAT CADANGAN PINDAAN PENAMBAHBAIKAN AKTA INSOLVENSI 1967



PERTANDINGAN TREASURE HUNT MERDEKA BHEUU

Pertandingan Treasure Hunt Merdeka BHEUU anjuran Puspanita Cawangan Kecil BHEUU dengan kerjasama Pusat Sumber BHEUU, JBG dan Kelab Kebajikan Sukan & Rekreasi (KEBARA) JBG telah diadakan pada 12 September 2022. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah BHEUU, Datuk Abd. Shukor Mahmood. Sebanyak 10 kumpulan yang terdiri daripada kakitangan BHEUU, JBG dan Mdl telah menyertai pertandingan ini.



BENGKEL JAWATANKUASA KERJA PINDAAN AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010



MAJLIS PENUTUPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN BHEUU 2022



Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan BHEUU 2022 telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah BHEUU, Datuk Abd. Shukor bin Mahmood pada 15 September 2022 bertempat di Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU.

Program ini merupakan kerjasama antara PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU, Kelab Kebajikan, Sukan & Rekreasi (KEBARA) Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Pusat Sumber BHEUU dan Perpustakaan JBG. Turut diadakan Pertandingan Hiasan Kek Kemerdekaan yang melibatkan 12 kumpulan yang terdiri daripada kakitangan BHEUU, JBG dan Mdl. YBhg. Datin Rosiawati binti Mohd Rahim, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU dan Dato' Anita binti Harun, Ketua Pengarah Mdl juga turut menunjukkan kepakaran dan kreativiti masing-masing dalam hiasan kek.

SESI LIBAT URUS

**YB TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG) BERKAITAN
RUU ANTI-STALKING BERSAMA
CIVIL SOCIETY ORGANISATIONS (CSO)**



Sesi libat urus ini telah diadakan di Hotel Maya, Kuala Lumpur pada 20 September 2022. Pada sesi libat urus ini, YB Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa menghendap (*stalking*) adalah kesalahan jenayah dan pentingnya kes menghendap disiasat untuk tindakan seterusnya dan mangsa perlu diberi perlindungan bagi memberikan keyakinan kepada masyarakat bahawa keselamatan diri mereka berkaitan perlakuan *stalking* ini adalah terjamin.



PRE-COUNCIL MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-14 TAHUN 2022

Pada 2 Oktober 2022 (Ahad), telah berlangsungnya sesi Pre-Council Mesyuarat Ketiga, Penggal Kelima, Parlimen ke-14 Tahun 2022 bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob. Sesi ini dihadiri Yang Berhormat Menteri-Menteri Kanan, Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri, Yang Berhormat Ketua-Ketua Parti dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen.



SLOT WAWANCARA AGENDA AWANI **PELAKSANAAN AKTA ANTI-LOMPAT PARTI**

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar telah menerima undangan daripada Astro AWANI dalam slot Agenda Awani yang telah bersiaran pada 5 Oktober 2022 (Rabu) bagi mengupas perihal pelaksanaan Akta Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti yang berkuatkuasa mulai 5 Oktober 2022 dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).



9 OKTOBER 2022 (SABTU)

PERHIMPUNAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1444H BERSAMAAN 2022M



Pada 9 Oktober 2022 (Ahad) Kontinjen BHEUU yang terdiri daripada pegawai-pegawai lelaki BHEUU yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan), YBrs. Tuan Abdul Aziz bin Mohd Johdi telah menghadiri Perhimpunan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1444H Bersamaan 2022M bertempat di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur.



SESI PERJUMPAAN KETUA PENGARAH BHEUU BERSAMA PEGAWAI YANG MENERIMA KENAIKAN PANGKAT



Sesi Perjumpaan YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Ketua Pengarah BHEUU bersama Pegawai Yang Menerima Kenaikan Pangkat telah berlangsung pada 11 Oktober 2022 (Selasa) bertempat di Bilik Ketua Pengarah BHEUU. YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood menyerahkan surat ucapan tahniah kepada empat (4) orang pegawai BHEUU yang telah dinaikkan pangkat ke gred lebih tinggi iaitu Encik Zulkarnain bin Rohimi, Pengarah Seksyen Pengurusan Maklumat, Encik Zul Hasnizam bin Abdul Hamid, Penolong Pustakawan, Puan Siti Khalijah binti Harun, Penolong Pustakawan, dan Puan Praba Balakrisnan, Pembantu Pustakawan.

MAJLIS BACAAN YASSIN

ANJURAN SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BHEUU DENGAN KERJASAMA
PUSPANITA CAWANGAN KECIL BHEUU



Majlis bacaan yassin anjuran Seksyen Pengurusan Sumber Manusia BHEUU dengan kerjasama Puspanita Cawangan Kecil BHEUU telah diadakan pada 28 Oktober 2022 (Jumaat) bertempat di Surau BHEUU. Majlis yang dianjurkan pada hari Jumaat yang penuh barokah ini adalah bertujuan untuk mengimarahkan ilmu di samping mengeratkan silaturrahim di kalangan warga kerja BHEUU.

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL

OLEH YBHG. DATUK ABD SHUKOR BIN MAHMOOD, KETUA
PENGARAH BHEUU KEPADA KAKITANGAN PUSAT MEDIASI
COVID-19 (PMC-19) SEMPENA PENUTUPAN UNIT PMC

Majlis Penyampaian Sijil oleh YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Ketua Pengarah BHEUU Kepada Kakitangan Pusat Mediasi Covid-19 (PMC-19) Sempena Penutupan Unit PMC-19 Pada 23 Oktober 2022 telah diadakan bertempat di Ruang Legar, Aras 10 BHEUU.





BILIK MESYUARAT
MENTERI DI JABATAN PERDANA
PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG



JABATAN PERDANA MENTERI
PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG

Kunjungan Hormat

**dan Perjumpaan Bersama
YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Parlimen dan Undang-undang)**

1 SEPTEMBER 2022 (KHAMIS)

**KUNJUNGAN HORMAT OLEH
YAYASAN PENGAKAP MALAYSIA KE ATAS
YB MENTERI**



5 SEPTEMBER 2022 (ISNIN)



**PERTEMUAN
BERSAMA
ENCIK MARTIN
DARIPADA
THE STAR**

6 SEPTEMBER 2022 (SELASA)

PERJUMPAAN YB MENTERI BERSAMA DATUK PROF SUNDRA RAJOO, MANTAN KETUA PENGARAH AIAC



13 SEPTEMBER 2022 (SELASA)

PERTEMUAN BERSAMA EDITOR THE EDGE, RASH BEHARI BHATTACHARJEE



14 SEPTEMBER 2022 (SELASA)

**KUNJUNGAN HORMAT
NATIONAL UNION FLIGHT ATTENDANTS MALAYSIA
(NUFAM) KE ATAS YB MENTERI**



20 SEPTEMBER 2022 (SELASA)



**KUNJUNGAN
HORMAT DATO'
SERI DEVAMANY
S. KRISHNASAMY
KE ATAS
YB MENTERI**

26 OKTOBER 2022 (RABU)

**KUNJUNGAN HORMAT OLEH
YBHG. TAN SRI IDRUS HARUN,
PEGUAM NEGARA KE ATAS YB DATO SRI DR.
HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR**





JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

PEGAWAI BAHARU

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN SEPTEMBER DAN OKTOBER 2022



PUAN EMELIA MARDIANA BINTI SAMSI
Penolong Teknologi Maklumat Gred F44
Tarikh lapor diri : 5 September 2022



PUAN AMIRAH BINTI AZHARI
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M44
Tarikh lapor diri : 26 September 2022



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

PEGAWAI BAHARU

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN SEPTEMBER DAN OKTOBER 2022



PUAN NORLIZA BINTI MOHD RAZAK
Penolong Akauntan Gred W29 (KUP)
Tarikh lapor diri : 12 September 2022



PUAN HESYAMIYAH BINTI HASSAN
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 TBK
Tarikh lapor diri : 15 September 2022



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

PEGAWAI BAHARU

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN SEPTEMBER DAN OKTOBER 2022



PUAN UMMI AQEELA BINTI MAT RANI
Penolong Tadbir (P/O) Gred N19
Tarikh lapor diri : 15 September 2022



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

PEGAWAI BERTUKAR

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN SEPTEMBER DAN OKTOBER 2022



PUAN MURNI BINTI YAACOB

Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44
Jabatan baru : Kementerian Kewangan Malaysia



PUAN NORA'AZILA BINTI BAHARUDIN

Penolong Akauntan Gred W29 (KUP)
Jabatan baru : Kementerian Luar Negeri



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

Diterbitkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)
Aras 4-8, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang,
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62692 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Tel : 03-88851000

Faks : 03-88851062

E-mel : bheuu.korporat@bheuu.gov.my